

Polis Pahang masih siasat PKPM

KOSMO 16/6/09 M/S 3

Pertubuhan haram terus rekrut anggota

Oleh HAFIZ ABBAS

KERATAN Kosmo! 26 Mei.

nyertai atau menjadi ahli PKPM.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh mengulas lanjut perkara ini kerana tidak mahu mengganggu siasatan," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Ditanya mengenai pertubuhan haram itu mempunyai pejabat atau cawangan di negeri ini, Ro-

bah sekali lagi enggan mengulas lanjut dan meminta agar kes ini tidak dihebahkan.

"Perkara ini masih dalam siasatan. Tunggulah dalam tempoh sedikit masa lagi sebelum saya boleh memberikan butiran terperinci," tegas beliau.

Pada 25 Mei lalu, *Kosmo!* me-

laporkan PKPM yang pernah dilumpuhkan oleh polis kira-kira enam tahun lalu dipercayai aktif semula di negara ini termasuk di Pahang.

Selain itu, ia dikatakan sedang merekrut ribuan ahlinya termasuk lebih 400 orang di Pahang untuk menyiasat satu kes pembunuhan membabitkan seorang kenamaan (VIP).

Pertubuhan tersebut dipercayai menawarkan ganjaran gaji, elaun, pangkat, kuasa dan senjata api kepada mana-mana individu yang menyertai pasukan berslogan 'Bersatu Membanteras Dan Menentang Musuh Negara' itu.

Oleh HAFIZ ABBAS

mohdhafiz.abbas@kosmo.com.my

KUANTAN - Polis Pahang masih menjalankan siasatan lanjut terhadap kegiatan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM) di negeri ini yang dilaporkan kembali bergerak aktif di seluruh negara sejak kebelakangan ini.

Ketua Polis Pahang, Datuk Rob Abdul Ghani berkata, setakat ini, pihaknya mendapati pertubuhan haram tersebut dipercayai cuba melatih ahli baru yang terdiri daripada orang awam.

"Kita dapati mereka cuba merekrut orang ramai untuk me-